

PM jamin Sabah, Sarawak tidak ketinggalan

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan Sabah dan Sarawak akan bersama-sama dengan negeri lain dalam menikmati pembangunan yang pesat di negara ini.

Menurut beliau, bak kata pepatah orang Kadazan, *'Osusa Toi Asanang Tomoi-mo Mi-i-so'* yang bermaksud 'susah atau senang, suka dan duka kita tetap bersama dan bersatu dalam satu Keluarga Malaysia'.

"Inilah harapan besar saya," katanya semasa merasmikan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia peringkat negeri Sabah di sini semalam.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Maximus Ongkili.

Ismail berkata, kerajaan sedang berusaha menghapuskan jurang pembangunan antara Semenanjung dengan Sabah.



ISMAIL Sabri Yaakob (tiga, kanan) menyampaikan sumbangan Yayasan Keluarga Malaysia kepada salah seorang penerima semasa perasmian Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Kota Kinabalu semalam.

Jelasnya, melalui pengwujudan rangkaian Lebuhraya Pan Borneo tanpa tol, ia dilihat mampu mengubah seluruh kawasan di Sabah dalam tempoh lima tahun ini.

Ismail Sabri berkata, kerajaan juga komited melaksanakan Program Pembasmian

Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) bagi mencapai sasaran sifar miskin tegar pada akhir 2025.

Di bawah program BMTKM, Unit Perancang Ekonomi (EPU) serta Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri akan menjadi

penyelaras menggabungkan semua pihak yang terlibat seperti kementerian, kerajaan negeri, ahli akademik, pihak swasta dan pertubuhan masyarakat sivil (CSO) untuk mencari kaedah terbaik bagi menghapuskan miskin tegar secara holistik berasaskan lokaliti.